



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A807

AKTA PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH
KESELAMATAN) (PINDAAN) 1991

Tarikh Persetujuan Diraja 2hb September 1991

Tarikh diterbitkan dalam
Warta 12hb September 1991

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A807

AKTA PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH
KESELAMATAN) (PINDAAN) 1991

Suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) (Pindaan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 302.
 - (a) dengan menomborkannya semula sebagai subseksyen (1) seksyen 2;
 - (b) dengan memotong takrif-takrif "eksport", "import" dan "tempat berlabuh petroleum berbahaya";
 - (c) dengan menggantikan takrif "keluaran-keluaran petroleum" dengan takrif yang berikut:

* "keluaran-keluaran petroleum" ertinya semua bahan yang diperolehi daripada petroleum sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual;";

(d) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “keluaran-keluaran petroleum” takrif, yang berikut:

“kerja-kerja talian paip” ertinya kerja-kerja dari apa-apa jenis yang berikut:

(a) meletakkan talian paip atau sekian panjang talian paip, memeriksa, menyenggara, menyelaras, membaiki, mengubah atau membaharui sesuatu talian paip atau sekian panjang talian paip, menukar kedudukan talian paip atau sekian panjang talian paip, atau memindahkan sesuatu talian paip atau sekian panjang talian paip di pantai atau di luar pantai; dan

(b) memecah atau membuka tanah bagi maksud kerja-kerja yang tersebut dalam perenggan tersebut dahulu dan membuat tembusan atau menggerak bagi maksud-maksud itu dan lain-lain kerja yang dikehendaki bagi atau bersampingan dengan maksud-maksud itu di pantai atau di luar pantai;’;

(e) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “pegawai pelabuhan”, takrif baru yang berikut:

“pelabuhan” ertinya—

(a) suatu pelabuhan atau tempat yang diisytiharkan sebagai suatu pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

(b) suatu tempat yang ditetapkan sebagai suatu pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah, Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(c) kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 Akta Pengisytiharan suatu

Ord. 70/52.

*Sabah Ord.
11160.
Sarawak
Ord. 2/60.*

Aktu 217.

PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) 5
(PINDAAN)

Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi Port Persekutuan 1979 menjadi Port Bintulu;";

- (f) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "menstor" dalam takrif "premis berlesen", perkataan-perkataan "dan mengendalikan";
- (g) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "tata amalan", takrif baru yang berikut:

"tempat berlabuh petroleum" ertinya suatu tempat yang ditetapkan sebagai tempat berlabuh petroleum melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;"; dan

- (h) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1) yang dinomborkan semula, subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Menteri boleh melalui perintah meminda, mengubah, memotong daripada atau menambah kepada Jadual."

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan perkataan-perkataan "Pemuatan, pemunggahan dan pelepasan petroleum yang dibenarkan.";
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "diimport atau dieksport" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "dimuatkan atau dipunggah atau dilepaskan"; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Menteri boleh, berkenaan dengan mana-mana tempat yang ditetapkan olehnya di bawah subseksyen (1), melantik mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menjalankan kuasa-kuasa dan menunaikan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi pegawai pelabuhan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya."

Pindaan
seksyen 7.

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas Ia atau Kelas Ib” dalam subseksyen (1) dan dalam nota birai; dan
- (b) dengan memotong perkataan “berbahaya” dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II” di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “tiba” dan “ketibaan vesel itu” dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan “di pelabuhan”.

Pindaan
seksyen 9.

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “mengambil” dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “memunggah atau melepaskan”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:
 - “(1) Tiada apa-apa petroleum boleh dipunggah atau dilepaskan daripada mana-mana vesel kecuali dengan kebenaran pegawai pelabuhan dan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam kebenaran itu dan di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam kebenaran itu.”;
- (c) dengan memotong subseksyen (2);
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “mengambil atau mendaratkan” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “memunggah atau melepaskan”;
- (e) dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II” dan “Kelas I dan Kelas II” yang terdapat dalam subseksyen (3); dan
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan “diambil atau didaratkan” dalam subseksyen (3)

PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) 7
(PINDAAN)

dengan perkataan-perkataan "dipunggah atau dilepaskan".

7. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 10.

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan perkataan-perkataan "Memunggah atau melepaskan petroleum.";
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "Kelas I atau Kelas II" dalam subseksyen (1);
- (c) dengan menggantikan perkataan "mendaratkan" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "memunggah atau melepaskan";
- (d) dengan memotong subseksyen (2); dan
- (e) dengan memotong perkataan-perkataan "Kelas I atau Kelas II" dalam subseksyen (3).

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 10, seksyen baru 10A yang berikut:

Seksyen
baru 10A.

"Sekatan ke atas pemuatan, pemunggaran dan pelepasan petroleum di antara matahari masuk dengan matahari terbit.

10A. (1) Tiada apa-apa petroleum boleh dimuatkan atau dipunggah atau dilepaskan di antara matahari masuk dengan matahari terbit kecuali dengan kebenaran pegawai pelabuhan:

Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidaklah terpakai bagi pemuatan atau pemunggaran atau pelepasan petroleum itu secara pukal daripada mana-mana vesel dan terus kepada atau daripada mana-mana pepasangan di pantai.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan hendaklah disita dan boleh dikena lucuthak."

Pindaan
seksyen 11.

9. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II” dalam subseksyen (1) dan dalam nota birai; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dipunggah atau dipindahkapal” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “dipunggah atau dilepaskan atau dipindahkapal”.

Pindaan
seksyen 12.

10. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II” di mana-mana jua ia terdapat di dalamnya dan dalam nota birai.

Pindaan
seksyen 13.

11. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Tiada sesuatu vesel yang bermuat dengan petroleum Kelas I atau Kelas II sebagai kargo, sama ada bagi pengangkutan atau penstoran, boleh berada di mana-mana pelabuhan (kecuali di sesuatu tempat berlabuh petroleum) atau di sesuatu tempat yang dikecualikan di bawah seksyen 44, atau di mana-mana sungai, terusan atau caruk selama sesuatu masa yang lebih lama daripada yang semunasabahnya perlu untuk memuatkan atau memunggah atau melepaskan petroleum melainkan jika telah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pegawai pelabuhan.”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kelas IA atau Kelas IB” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II”.

Pindaan
seksyen 14.

12. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “Kelas I atau Kelas II” dalam subseksyen (1) dan dalam nota birai.

PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) 9
(PINDAAN)

13. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (3). Pindaan seksyen 16.

14. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 19.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dan nota birai dengan yang berikut:

“Lesen penstoran petroleum dan lesen pengendalian petroleum. 19. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiada seorang pun boleh menstor atau mengendalikan apa-apa petroleum melainkan jika dia ialah pemegang lesen penstoran petroleum yang sah atau lesen pengendalian petroleum yang sah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diberi di bawah Akta ini yang membenarkan penstoran atau pengendalian petroleum dan memperuntukkan bahawa petroleum itu hendaklah distor atau dikendalikan mengikut apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang terdapat pada lesen itu.”;

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana orang yang bertindak dengan sah di bawah pengawasan atau arahan seseorang yang memiliki lesen pengendalian petroleum yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.”;

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “penstoran” dalam baris 3 subseksyen (2), perkataan “petroleum”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

“(3) Bagi maksud pemakaian subseksyen (2) kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, “Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan.”;

- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penstoran" dalam baris 3 subseksyen (4), perkataan "petroleum";
- (f) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penstoran" dalam baris 1 subseksyen (5), perkataan-perkataan "petroleum atau pengendalian";
- (g) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "distor," dalam baris 8 subseksyen (5), perkataan-perkataan "cara mengendalikan petroleum,;" dan
- (h) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penstoran" dalam baris 3 subseksyen (6), perkataan-perkataan "petroleum atau pengendalian".

Pindaan
seksyen 20.

15. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "Kelas Ia atau Kelas Ib" dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 32.

16. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Apa-apa permohonan bagi kelulusan yang tersebut di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh suatu perisytiharan di bawah seksyen 28 disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur atau pemasangan tertentu itu atau mana-mana bahagian daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Pindaan
seksyen 33.

17. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Akta ini mula berkuatkuasa" dalam perenggan (a) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "suatu perisytiharan di bawah seksyen 28 disiarkan dalam *Warta*".

Pindaan
seksyen 45.

18. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "pemunggahan dan pendaratan" dalam perenggan

PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) 11
(PINDAAN)

- (d) dengan perkataan-perkataan "pemuatan dan pemungghahan dan pelepasan";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "di bawah Akta ini" dalam perenggan (k); perkataan-perkataan "atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya";
- (c) dengan memotong perenggan (l); dan
- (d) dengan memotong perkataan "berbahaya" dalam perenggan (m).

19. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 47.

"Fee yang dipungut. 47. Fee berkenaan dengan mana-mana lesen atau permit di bawah Bahagian VI atau mana-mana peraturan yang dibuat berkenaan dengan Bahagian itu dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Menteri hendaklah menjadi hasil pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa atau mana-mana orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengeluarkan lesen atau permit itu."

20. Akta ibu adalah dipinda dengan menambahkan selepas sahaja seksyen 48, Jadual yang berikut: Jadual baru.

JADUAL
(Seksyen 2 (1))

1. Metana, etana, propana, butana atau hidrokarbon yang mungkin mengandungi satu atau lebih gas di atas sama ada dalam bentuk gas atau cecair
2. Gasolin
3. Nafta
4. Reformat
5. Kerosin
6. Diesel
7. Minyak Bahan Api

[Jadual]

12

AKTA A807

8. Minyak Bes
9. Minyak Pelincir
10. Asfalt/Bitumen
11. Gris dan Lilin".